

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
KAWASAN : BUKIT GANTANG
TARIKH : 04.04.2016
NO. SOALAN : 390

SOALAN

YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan dengan terperinci apakah faktor utama keperluan perdagangan Malaysia untuk berdagang dengan setiap negara TPP ini sehingga kita perlu terlibat dengan perjanjian perdagangan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

2. Malaysia tidak akan menjadi sebahagian daripada TPPA jikalau tiada faedah yang Malaysia dapat peroleh. Malahan penyertaan Malaysia dalam perjanjian perdagangan bebas seperti TPPA bukanlah satu perkara baru. Malaysia telah pun menjalin kerjasama di bawah rundingan perjanjian bebas sebagai usaha Kerajaan untuk mempromosi perdagangan dan pelaburan. Sehingga kini Malaysia telah menandatangani 13 Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA), dan yang terakhir adalah dengan Turkey. Rundingan dengan Kesatuan Eropah, *European Free Trade Association* (EFTA), *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) serta ASEAN-Hong Kong juga sedang berterusan. Perjanjian TPP juga dianggap penting sebagai *building block* kepada satu perjanjian perdagangan dan pelaburan yang lebih komprehensif dan menyeluruh yang melibatkan 21 ekonomi di bawah kerjasama APEC.

3. Negara-negara TPP terdiri daripada 12 buah negara dengan pasaran 800 juta penduduk dan KDNK USD\$27.5 trilion. Negara TPP terdiri daripada Australia, Brunei, Chile, Jepun, Kanada, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura, Vietnam, Amerika Syarikat, dan Malaysia.

4. Malaysia telahpun mempunyai FTA sama ada melalui FTA dua hala ataupun melalui ASEAN dengan sebahagian besar negara TPPA, kecuali empat negara, iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Mexico, dan Peru, yang merupakan empat pasaran berkeutamaan baharu bagi Malaysia. Apabila

TPPA berkuat kuasa nanti kebanyakan duti import daripada negara-negara TPPA akan dimansuhkan serta merta.

5. Sebagai contoh, dengan TPPA, duti import bagi hampir 73% daripada eksport barangan tekstil ke Amerika Syarikat akan dimansuhkan serta-merta dengan kuat kuasanya TPPA. Tanpa TPPA, hanya 11% daripada eksport tekstil ke Amerika Syarikat yang menikmati duti import sifar.

6. Selain itu, negara TPPA juga akan memansuhkan duti import bagi produk-produk eksport utama Malaysia seperti E&E, barangan getah, minyak sawit, alat ganti automotif, serta produk kayu-kayan ke pasaran TPP khususnya ke Amerika Syarikat, Kanada, dan Mexico dan Peru.

7. Dengan pembukaan pasaran yang lebih baik dan keutamaan daripada negara-negara TPPA, Kerajaan percaya ia akan membantu usahawan tempatan untuk mengembangkan perniagaan dan perkhidmatan mereka dan menyertai rangkaian bekalan syarikat-syarikat di negara-negara TPPA.

Tuan Yang Dipertua,

8. Sekiranya tidak menyertai TPPA, kesan kepada Malaysia, termasuk:
- (i) menghadapi cabaran terutamanya jika rakan dagang utama kita menyertainya. Indonesia, Filipina dan Thailand telah pun beberapa kali menyuarakan hasrat dan minat mereka untuk menyertai perjanjian ini berikutan tamatnya rundingan pada 5

Oktober 2015 yang lepas;

- (ii) produk dan perkhidmatan dari Malaysia akan berhadapan dengan persaingan sekiranya Malaysia mengambil keputusan untuk tidak menyertai TPPA;
- (iii) pelabur mungkin akan memilih untuk melabur di negara-negara yang menyertai TPPA bagi menikmati akses pasaran yang lebih baik serta persekitarannya yang lebih telus dan boleh dijangkakan;
- (iv) syarikat-syarikat Malaysia akan memutuskan untuk memindahkan operasi mereka ke negara anggota TPPA yang dapat menyediakan persekitaran yang lebih kondusif bagi perniagaan mereka; dan
- (v) Malaysia mungkin ketinggalan berbanding negara serantau seperti Vietnam dan Singapura dalam aspek pencapaian ekonomi.

9. Sesetengah pihak mungkin berpendapat bahawa Malaysia sepatutnya menyertai TPPA di kemudian hari. Penyertaan kemudian hari akan mengakibatkan kerugian kepada negara. Malaysia tidak akan dapat turut serta dalam merangka peraturan perjanjian dan menikmati fleksibiliti yang diperlukan seperti tempoh peralihan lebih lama dan pengecualian untuk menangani beberapa isu penting.

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia merupakan sebuah negara yang amat bergantung pada perdagangan antarabangsa sejak zaman Kesultanan Melaka lagi, di mana saudagar dari seluruh dunia bersinggah ke Melaka untuk berdagang pada masa itu. Begitu juga sekarang, jumlah nilai dagangan Malaysia adalah 1.5 ganda kepada jumlah KDNK pada tahun 2014. Justeru, adalah menjadi penting bagi Malaysia untuk terus melaksanakan dasar keterbukaan yang berpandukan model Malaysia untuk terus kekal sebagai destinasi pelaburan dan perdagangan yang menarik di rantau dan di dunia.

Sekian, terima kasih.